



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


18 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,413 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **111,346 kes**. Sebanyak 18 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu enam (6) kes di Tawau, lima (5) kes di Kota Kinabalu, empat (4) kes di Sandakan dan masing-masing satu (1) kes di Penampang, Tuaran dan Kunak. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 810 menjadikan jumlah kumulatif 91,166 orang. Seramai 5,258 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,246 orang di hospital, 3,958 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 45 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 159 orang dan 65 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Kes baharu di Sabah terus melonjak ke paras yang amat tinggi. Hari ini jumlah kes baharu di Sabah ialah (2,413) kes, dengan peningkatan sebanyak (+310) lebih tinggi berbanding semalam (17 Ogos 2021). Jumlah adalah meliputi keputusan saringan tertunggak (*backlog*) sebanyak (258) kes atau 10.7% daripada kumulatif kes hari ini.
- b. Daerah Kota Kinabalu mencatat (594) kes baharu dengan penambahan (+127) kes berbanding semalam, Tawau 348 (+93) kes, Penampang 177 (+42) kes, Tuaran 174 (-26) kes, Sandakan 150 (-58) kes, Keningau 153 (-10) kes, Lahad Datu 125 (+47) kes, Sipitang 82 (+47) kes, Tenom 82 (+21) kes, Kalabakan 47 (+39) kes, Ranau 16 (-41) kes dan Telupid 18 (-30) kes.
- c. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama kepada kes-kes harian di Sabah dengan (1,410) kes atau 58.4%, Saringan Bergejala (538) kes atau 12.3% dan daripada Saringan Kluster sebanyak (233) kes atau 9.6% dari kumulatif kes hari ini.
- d. (1,363) kes atau 56.5% daripada (2,413) kes hari ini merupakan pesakit Kategori 2, (1026) kes atau 42.5% adalah merupakan Kategori 1, (11) kes dalam Kategori 3, tiga (3) kes dalam Kategori 4 dan lima (5) kes dalam Kategori 5.
- e. Adalah juga dimaklumkan setakat kelmarin, 48.4% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun memperolehi satu dos vaksin dan 24.7% telah melengkapkan pengambilan dua dos.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,410) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	233	9.7%
2	Bergejala	538	22.3%
3	Kontak	1,410	58.4%
4	Bersasar	82	3.4%
5	Lain-lain	150	6.2%
JUMLAH		2,413	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (17 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 17/08/2021	Catatan Kes 18/08/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	467	594	+127
2	Tawau	255	348	+93
3	Lahad Datu	78	125	+47
4	Sipitang	35	82	+47
5	Penampang	135	177	+42
6	Kalabakan	8	47	+39
7	Tenom	61	82	+21
8	Papar	56	75	+19
9	Pitas	10	22	+12
10	Kota Belud	71	81	+10
11	Kudat	5	13	+8
12	Beaufort	39	46	+7
13	Kuala Penyu	0	6	+6
14	Semporna	17	21	+4
15	Kunak	16	20	+4
16	Putatan	41	42	+1
17	Kota Marudu	27	28	+1
18	Tambunan	4	5	+1
19	Sandakan	208	150	-58
20	Ranau	57	16	-41
21	Telupid	48	18	-30
22	Tuaran	200	174	-26
23	Keningau	163	153	-10
24	Tongod	28	20	-8
25	Kinabatangan	40	36	-4
26	Beluran	24	23	-1
27	Nabawan	10	9	-1
JUMLAH		2,103	2,413	+310

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (04 Ogos - 17 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	393	133	36	32	594	5030
Tawau	0	258	67	0	23	348	2803
Penampang	3	111	48	0	15	177	2100
Tuaran	0	114	49	8	3	174	1685
Keningau	39	87	19	0	8	153	1188
Sandakan	2	53	71	0	24	150	1686
Lahad Datu	79	23	15	0	8	125	496
Tenom	77	4	0	0	1	82	360
Sipitang	6	35	4	37	0	82	512
Kota Belud	0	63	18	0	0	81	812
Papar	0	45	27	0	3	75	909
Kalabakan	0	37	9	0	1	47	310
Beaufort	0	31	13	0	2	46	573
Putatan	0	25	14	0	3	42	505
Kinabatangan	20	6	8	0	2	36	524
Kota Marudu	0	19	6	0	3	28	269
Beluran	0	17	6	0	0	23	529
Pitas	0	17	2	0	3	22	139
Semporna	0	6	1	0	14	21	106
Tongod	1	8	10	1	0	20	294
Kunak	0	18	1	0	1	20	169
Telupid	0	15	3	0	0	18	405
Ranau	6	7	1	0	2	16	292
Kudat	0	9	4	0	0	13	155
Nabawan	0	0	7	0	2	9	86
Kuala Penyu	0	5	1	0	0	6	88
Tambunan	0	4	1	0	0	5	147
JUMLAH	233	1,410	538	82	150	2,413	22,172

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Batu 27 Sook	3
	Kluster Gerbang Kauran	3
	Kluster Kayu Patikang	33
Penampang	Kluster Jalan Penampang	3
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	6
Tenom	Kluster Sibulu	77
Ranau	Kluster Simpang Tiga Ranau	2
	Kluster Timbua	4
Sandakan	Kluster Lebu Empat	2
Lahad Datu	Kluster Cenderawasih	5
	Kluster Sawit Baiduri	74
Tongod	Kluster Jalan Corak	1
Kinabatangan	Kluster Sungai Pin 2	19
	Kluster Tinabau	1
JUMLAH		233

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Sungai Pin 2 - Kinabatangan dikategorikan sebagai kluster tempat kerja. Kes indeks merupakan pekerja wanita, 52, warganegara Indonesia di sebuah ladang sawit berdekatan Sungai Pin, Daerah Kinabatangan. Setelah bergejala sejak 10 Ogos 2021, kes indeks disahkan positif COVID-19 (RTK-Ag) di Klinik Kesihatan Batu Putih, Kinabatangan dan telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan selanjutnya. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati seramai 19 kes positif dalam kalangan kontak pekerja dan tanggungan. Aktiviti siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebaran jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain. Setakat ini, 20 kes positif COVID-19 telah dilaporkan termasuk 19 kes baharu.

7 Jumlah kapasiti katil 6,670 unit

- Hospital 1,258 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,740 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 78.70%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 18 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,381
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	24
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
Jumlah	2,413

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Labuan	1
Perak	9
Selangor	11
Negeri Sembilan	1
Melaka	1
WP Kuala Lumpur	1
Jumlah	24

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,938
Bukan Malaysia	475
Jumlah	2,413

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	601
Belum Menerima Vaksin	1,047
Menerima 1 Dos	489
Lengkap 2 Dos	276
Jumlah	2,413

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	24
1 to 5	172
6 to 17	405
18 to 59	1,650
>60	162
Jumlah	2,413

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 18 Ogos 2021)
1	Tawau	29
2	Kota Kinabalu	22
3	Tuaran	12
4	Kota Belud	5
5	Penampang	4
6	Sipitang	4
7	Ranau	4
8	Kota Marudu	3
9	Papar	3
10	Beluran	2
11	Beaufort	2
12	Keningau	2
13	Kinabatangan	2
14	Kudat	2
15	Kunak	2
16	Putatan	2
17	Tenom	2
18	Nabawan	1
19	Tambunan	1
20	Telupid	1
21	Tongod	1
JUMLAH		106

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kg Tanjong Pagar Sipitang	20 Ogos 2021	02 September 2021
2.	Setinggalan Kg Baru Luyang Penampang	20 Ogos 2021	02 September 2021
3.	Kg Padang Tembak Keningau	20 Ogos 2021	02 September 2021
4.	Kg Jawa Tawau	20 Ogos 2021	02 September 2021

E PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	2 Lokaliti di Kunak <ul style="list-style-type: none">• Perumahan Ladang Mostyn• Kg Kasnuri	06 Ogos 2021	Ditamatkan pada 19 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
2.	2 Lokaliti di Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none">• Kg Tg Aru Lama• University Apartment 1	06 Ogos 2021	Ditamatkan pada 19 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
3.	Kg Kuala Megalong Sipitang	06 Ogos 2021	Ditamatkan pada 19 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **32,036** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,294,875 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **30,329** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 633,297 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 18,231 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,453,537 (Mysejahtera 1,371,073: Laman Web 82,141: Talian Vaksinasi 323) bersamaan 52.7%.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **427,265** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 156 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 40,084 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 229 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 70 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 17 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 15 Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Dua (2) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 92 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (MSO)
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,080 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Tiada tawaran kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 338 premis perniagaan dan 519 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan susun atur kerusi meja Dine-In luar premis di Restoran Amin Maju, Plaza Juta, Likas. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 298 Premis Perniagaan melibatkan 185 anggota APM. Sebanyak (27) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 161 anggota di 201 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 29 premis, melibatkan 19 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 166 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 146 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96%
2	Tenom	96%
3	Kota Marudu	96%
4	Ranau	96%
5	Kunak	96%
6	Kudat	96%
7	Keningau	95.5%
8	Beaufort	95.5%
9	Lahad Datu	95.5%
10	Sipitang	95.5%
11	Tuaran	95.5%
12	Kota Belud	95.5%
13	Tawau	95%
14	Papar	95%
15	Beluran	95%
16	Kinabatangan	95%
17	Penampang	94.5%
18	Kota Kinabalu	94.5%
19	Sandakan	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**